



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN DISEMBER 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Disember 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 600 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 50.0 bagi bulan Disember 2022 berbanding dengan 50.3 bagi bulan November 2022. Secara amnya, perniagaan sektor swasta mengalami keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Disember 2022 berbanding dengan bulan sebelumnya. Beberapa perniagaan berpandangan optimistik, dengan jangkaan peningkatan dalam permintaan terhadap produk dan perkhidmatan; projek-projek baharu; acara-acara semasa musim cuti dan perayaan; serta promosi jualan bagi penghujung tahun. Walaupun pada bulan Disember 2022 kebanyakan pekerja pada lazimnya menerima bonus gaji tahunan, beberapa perniagaan menjangka penurunan dalam permintaan dan jualan domestik dengan peningkatan jumlah penduduk yang akan bercuti ke luar negara. Memandang ke hadapan, secara amnya, prestasi bagi bulan Januari 2023 dijangka kekal optimistik dengan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan di tahap 50.1. Ini didorong oleh jangkaan bahawa lebih banyak projek dan acara-acara akan diadakan menjelang tahun baru termasuk sambutan Tahun Baru Cina, dan penurunan dalam perjalanan ke luar negara mengambil kira permulaan penggal persekolahan.

5. **Sub-indeks Pelaburan** pula adalah 50.0 bagi bulan Disember 2022, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.6 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, para peniaga menjangka akan mengekalkan tahap perbelanjaan pelaburan dan hanya akan meningkatkannya dalam masa tiga bulan. Perniagaan merancang untuk melabur antaranya dalam pembinaan infrastruktur ladang; pembelian bahan-bahan untuk melaksanakan projek baru; pembelian kenderaan syarikat, mesin, peralatan pejabat, dan sistem untuk mempertingkatkan usaha digitalisasi; pengubahsuaian pejabat; pembukaan cawangan baharu; dan penambahan stok inventori untuk musim perayaan yang akan datang.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.0 bagi bulan Disember 2022, dan 50.4 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa pada bulan Disember 2022, secara amnya, perniagaan menjangka akan mengekalkan jumlah pekerja. Walaubagaimanapun, perniagaan mempunyai perancangan untuk mengambil pekerja pada bulan berikutnya untuk menggantikan pekerja yang telah berhenti, serta menambah tenaga kerja mereka, selaras dengan rancangan-rancangan untuk mengembangmajukan perniagaan dan kenaikan dalam jumlah bilangan projek.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.3 bagi bulan Disember 2022, dan 50.0 bagi satu bulan ke hadapan. Para peniaga, secara amnya, menjangka kos menjalankan perniagaan akan meningkat pada bulan Disember 2022. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti kenaikan kos projek; kos pengangkutan; peningkatan perbelanjaan untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan; perbelanjaan gaji termasuk bonus; peningkatan aktiviti pemasaran; dan kenaikan harga pembelian tiket penerbangan untuk pekerja-pekerja asing kembali ke negara asal. Bagi bulan Januari 2023, para peniaga menjangka kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan Disember 2022.

BSI Disember 2022	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	50.0
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0

8. Dari segi **sektor ekonomi**, lima daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik bagi bulan Disember 2022. Tiga sektor menunjukkan kenaikan sentimen tertinggi disebabkan oleh musim cuti. Ini adalah Sektor Pengangkutan & Komunikasi memandangkan pada kebiasaannya ramai penduduk akan melancong ke luar negara pada bulan Disember; Sektor Perkhidmatan Lain yang mencatatkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan; dan Sektor Hotel dan Restoran disebabkan lebih banyak jumlah acara yang diadakan dan peningkatan kadar penghunian hotel. Dua lagi sektor yang menunjukkan sedikit kenaikan dalam sentimen adalah Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan; dan Sektor Minyak dan Gas dan yang berkaitan. Kedua-dua sektor tersebut telah mencatatkan peningkatan prestasi dengan tahap pengeluaran yang lebih tinggi. Sebaliknya, dua sektor telah menunjukkan sentimen yang pesimistik bagi bulan Disember 2022. Ini adalah Sektor Pembinaan di atas jangkaan penurunan jumlah projek menjelang hujung tahun, dan Sektor Perdagangan Borong dan Runcit yang tidak mencatatkan perbelanjaan domestik yang tinggi. Sementara itu, sektor-sektor yang lain

melaporkan sentimen terhadap keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Disember 2022 berbanding dengan bulan November 2022.

Keadaan Perniagaan Disember 2022 Mengikut Sektor	
Pengangkutan & Komunikasi	50.4
Perkhidmatan Lain	50.3
Hotel & Restoran	50.2
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.1
Pembuatan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Kewangan & Insurans	50.0
Kesihatan & Pendidikan	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	49.8
Pembinaan	49.6

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz mikro dan kecil berpandangan pesimistik disebabkan jangkaan kelembapan dalam aktiviti dengan penurunan jumlah projek dan peningkatan orang ramai keluar negeri. Di samping itu, perniagaan bersaiz sederhana dan besar melaporkan keadaan yang lebih kurang sama pada bulan Disember berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Disember 2022 mengikut Saiz	
Mikro	49.8
Kecil	49.9
Sederhana	50.0
Besar	50.0


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 3 Rejab 1444H / 25 Januari 2023M
 Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Disember 2022



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.